

BERITA KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

[EDARAN DALAMAN SAHAJA]

BIL. 03/03

MAC 2003

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas KUIM 2003
- Bengkel Penyelidikan dan Penulisan
- Kursus Sekretariat Sukan dan Rekreasi
- Peristiwa

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN ANUGERAH KHAS KUIM 2003 SERTA PELANCARAN PIAGAM PELANGGAN





Warga KUIM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas KUIM -GAMBAR Djohan Shahrin Shah.

7 Mac. – Baru-baru ini KUIM telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas KUIM 2003 di Auditorium MPAJ. Majlis tersebut diadakan untuk memberikan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Universiti yang telah menunjukkan prestasi khidmat cemerlang sepanjang tahun 2002. Seramai 34 orang telah menerima anugerah-anugerah tersebut dengan sembilan darinya masing-masing telah menerima sijil, wang tunai RM1,000 dan seutas jam tangan untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala 25 orang lagi turut menerima Anugerah Khas sebagai menghargai tugas dan jasa mereka sepanjang KUIM ditubuhkan. Sempena majlis tersebut, KUIM turut memberikan Penghargaan Sumbangsih kepada salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman iaitu Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad diatas sumbangan besar beliau terhadap perkembangan awal KUIM. Turut diadakan pada majlis tersebut ialah pelancaran Piagam Pelanggan KUIM. Anugerah-anugerah telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor dan Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin.

BENGGEL PENYELIDIKAN DAN PENULISAN

KUIM – Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Unit Pengajian Umum telah menganjurkan Bengkel Penyelidikan dan Penulisan pada 5-6 Mac 2003 bertempat di Makmal Bahasa, Tingkat 13, Menara A MPAJ. Tujuan utama diadakan bengkel tersebut adalah untuk meningkatkan mutu kehidupan dan martabat diri umat Islam sebagai umat yang bertakwa, moden dan progresif dan juga bagi meningkatkan kualiti dan memantapkan lagi ilmu penulisan di kalangan ahli akademik KUIM. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin.

KURSUS SEKRETARIAT SUKAN DAN REKREASI



Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada Kursus Sekreteriat Sukan dan Rekreasi di Port Dickson.

Port Dickson – Bertempat di PDS Resort, Pasir Panjang, Port Dickson telah diadakan Kursus Sekretariat Sukan dan Rekreasi yang dianjurkan oleh Unit Sukan dan Rekreasi pada 13-15 Mac 2003. Kursus tersebut diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar-pelajar mengenai asas-asas untuk memantapkan dan memajukan diri untuk lebih aktif lagi dan

mengajar untuk berdikari ketika menghadapi situasi diluar jangkaan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang kursus tersebut seperti sesi motivasi, latihan fizikal, berakit dan berkayak dan lain-lain aktiviti lagi. Seramai 40 pelajar telah menghadiri kursus tersebut dengan mendapat kerjasama daripada Ranjer.

PERISTIWA DAN MESYUARAT

- | | |
|------------------|--|
| 3 Mac | - Tazkirah Syahriyyah oleh Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan).
- Pertemuan Pengurusan Universiti Untuk Diperdengarkan Lagu KUIM. |
| 5 Mac | - Mesyuarat Audit.
- Mesyuarat JPPA kali ke 9. |
| 6 Mac | - Mesyuarat Penyelaras Kualiti Kampus Tetap.
- Mesyuarat Agihan Peruntukan Bajet 2003.
- Mesyuarat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIM. |
| 8 Mac | - Majlis Penyampaian Hadiah Sukan KUIM untuk Badan Sekretariat KUIM.
- Majlis Penyampaian Sijil Projek Kemahiran ICT. |
| 10 Mac | - Cuti Umum Sempena Pertabalan DYMM Sultan Selangor. |
| 12-14 Mac | - Peperiksaan Perkhidmatan |
| 13 Mac | - Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa Penjaminan Kualiti KUIM.
- Mesyuarat JPPA Khas. |
| 14 Mac | - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan. |

MAKLUMAN

Anda ada sebarang berita/peristiwa untuk dikongsi bersama warga KUIM? Hantarkan kepada Unit Perhubungan Awam dengan kadar segera. Terima Kasih.